

## Dadi memanfaatkan sisa tulang lembu jadi cenderamata



DIDI DARMADI menunjukkan kemahirannya mengukir tulang lembu menjadi cenderamata. AGENSI

11 Februari 2017 2:00 PM

JAWA BARAT– Seorang lelaki dari Kampung Pasir Tukul, Desa Cileunyi Wetan daerah ini memanfaatkan sisa tulang daripada jualan bakso peniaga yang biasanya dibuang dengan menjadikannya sebagai cenderamata.

Kompas.com melaporkan, Dadi Darmadi, 47, ternyata memiliki kemahiran luar biasa menghasilkan pelbagai cenderamata daripada tulang haiwan yang tidak lagi diguna mendatangkan keuntungan berganda buat lelaki itu.

Didi hanya memerlukan sebilah, pisau, gergaji kecil dan gerudi untuk menghasilkan cenderamata yang berbentuk patung, kalung, sumpit dan sebagainya.

Bagaimanapun menurut Didi, dia hanya menggunakan sisa tulang lembu daripada rebusan mi kocok atau bakso.

“Ini tulang sisa mi kocok namun saya hanya gunakan bahagian kakinya. Ini kerana struktur bahagian kaki lembu boleh diukir pelbagai bentuk,” katanya.

Didi berkata, tulang lembu yang digunakan kebanyakannya dibeli daripada peniaga mi kocok di Bandung Raya bagi memudahkan kerja mengukir tulang yang akan dijadikan cenderamata.

Jelasnya, jika tulang itu tidak direbus terlebih dahulu, usaha mengukir dan membentuk tulang akan menjadi lebih sukar.

“Tulang mentah agak keras dan susah dipotong, jadi untuk mengatasinya, saya beli tulang yang direbus daripada peniaga,” katanya.

Didi berkata, setiap tulang kaki lembu yang dibeli pada harga 500 rupiah (16sen) dapat menghasilkan enam pisau mini, ukiran kecil, loket, atau empat pasang penyepit.

Menurutnya, setiap cenderamata itu akan dijual pada 30,000 rupiah (RM10). – [kompas.com](http://kompas.com).